
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JMK 417 – Kesusasteraan Baru Berbahasa Inggeris
Dari Asia Pasifik**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan kesemuanya. Jawab **SOALAN 1** (wajib), di **Bahagian A** dan **DUA** soalan lagi dari **Bahagian B**.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

...2/-

BAHAGIAN A

1. Jawab KESEMUA SEPULUH (10) SOALAN KECIL (i) hingga (x) yang di bawah ini :

Berikan catatan atau nota ringkas tentang perkara-perkara berikut :

- (i) Rantau Asia Pasifik sebagai latar atau arena mengkaji fenomena 'sastera' mahupun 'non-sastera' dalam dekad-dekad selepas perang Dunia Kedua. (10 markah)
- (ii) Faktor-faktor pendorong utama bagi pertumbuhan 'Sastera Baru Berbahasa Inggeris' di rantau Asia Pasifik secara umum. (10 markah)
- (iii) Pengertian dan penggunaan konsep 'Sastera Komanwel'. (10 markah)
- (iv) Konsep 'Teks Kanun' atau *Canonical Texts* dalam kajian tentang 'Kesusasteraan Inggeris *Mainstream*'. (10 markah)
- (v) '*The New Englishes*' dalam penelitian Sastera Baru Berbahasa Inggeris. (10 markah)
- (vi) Faktor-faktor pendorong utama bagi pertumbuhan 'Sastera Baru Berbahasa Inggeris' di Australia. (10 markah)
- (vii) Faktor-faktor pendorong utama bagi pertumbuhan 'Sastera Baru Berbahasa Inggeris' di Negara Filipina (*Philippines*). (10 markah)
- (viii) Faktor-faktor pendorong utama bagi pertumbuhan 'Sastera Baru Berbahasa Inggeris' di Malaysia dan Singapura. (10 markah)
- (ix) Konsep 'Sastera Sukuan' dan 'Sastera Kebangsaan' dalam penelitian Sastera Baru Berbahasa Inggeris di Malaysia. (10 markah)
- (x) Konsep 'Sastera Pasca-kolonial' dalam pendekatan terkini. (10 markah)

BAHAGIAN B

Jawab mana-mana DUA soalan daripada Bahagian ini.

2. (a) Merujuk kepada novel *Scorpion Orchid* oleh Lloyd Fernando, huraikan tentang 'metafora' yang menjadi judulnya serta hubungkait metafora tersebut dengan perwatakan di dalam karya ini; dan
- (b) Merujuk kepada novel *Green is the Colour* oleh Lloyd Fernando, bincangkan tentang isu atau persoalan, sama ada secara tersurat atau pun tersirat, yang seakan-akan 'berkesinambungan' dari novel yang pertama itu sehingga novel yang kedua.
- (100 markah)
3. Merujuk kepada novel *In A Far Country* dan *The Return*, kedua-duanya oleh K.S. Maniam, huraikan tentang
- (a) perwatakan di dalam kedua-duanya, dan
- (b) unsur-unsur 'pewarnaan setempat' (*local colour*) yang paling menonjol.
- (100 markah)
4. (a) Merujuk kepada novel *A season of Grace* oleh M.V.M. Gonzales, bincangkan aspek-aspek persoalan yang boleh juga dikaitkan dengan perkara-perkara yang 'universal'; dan
- (c) Merujuk kepada *A Blade of Fern* oleh Edith L. Tiempo bincangkan tentang aspek-aspek yang paling istimewa di dalamnya.
- (100 markah)
5. Merujuk kepada Antologi *The Australian Short Story; An Anthology from the 1890s to the 1980s* (Edited by Laurie Hergenhan),
- (a) jelaskan tentang tema-tema utama yang mencerminkan kecenderungan/atau pemikiran pengarang-pengarang tertentu dalam dekad-dekad yang diliputi oleh antologi ini; dan
- (b) bincangkan tentang hubungkait tema-tema tersebut dengan 'sejarah sosial' atau perkembangan masyarakat Australia dalam dekad-dekad berkenaan.
- (100 markah)

